



KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SELANGOR

WESTPORT MALAYSIA SDN. BHD. DIDAKWA DI BAWAH AKTA
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

Klang, 17 Ogos – Hakim Mahkamah Sesyen Klang, Tuan Darmafikri bin Abu Adam hari ini menjatuhkan hukuman denda RM30,000 atau 6 bulan penjara terhadap Westport Malaysia Sdn Bhd yang mengaku bersalah di bawah Seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Sepasukan pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor yang diketuai oleh Pegawai Penyiasat Puan Zurena binti Mohammad Yusoff telah melakukan siasatan kes kemalangan maut yang berlaku di Kren 53, Westport Malaysia Sdn Bhd, Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor.

Hasil siasatan mendapati Westport Malaysia Sdn Bhd telah gagal untuk memastikan kewajipannya, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja bagi pekerjaanya dengan gagal menyediakan penaksiran risiko bagi kerja-kerja *general maintenance for 30 days cycle* bagi skop kerja 1A di kren 53.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa yang dilantik dari JKKP Selangor, Salwa Mohd Sayutti manakala Westport Malaysia Sdn Bhd diwakili oleh Peguambela Tuan Ramzani bin Idris dari Hareesh Mahadevan & Co.

###

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor
17 Ogos 2018